



	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 1/12

PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA) PK.UiTM.FSSR.(O).16

	Disediakan oleh	Disemak oleh	Diluluskan oleh
Tandatangan			
Nama	Muhammad Yusuf Bin Masod	Prof. Madya Ts. Dr. Rusmadiyah Anwar	Prof. Ts. Dr. Hj. Ruslan Abd Rahim
Jawatan	Pensyarah Kanan	Timbalan Dekan (Akademik)	Dekan
Tarikh	8/10/2019	8/10/2019	8/10/2019

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 2/12

REKOD PINDAAN DOKUMEN TERKAWAL

Adalah menjadi tanggungjawab Pemegang Dokumen untuk memastikan salinan dokumen ini sentiasa dikemaskini dengan memasukkan semua pindaan-pindaan yang dinyatakan.

MUKA SURAT DIPINDA

Tarikh	No. Para	Muka surat	Ringkasan Pindaan	Diluluskan
Ogos 2013	1	9	Kemaskini prosedur	
12/01/2016		1	Tarikh baru dan Tandatangan digital dimasukkan	
28/03/2017		1	Pertukaran nama Penyedia	
18/8/2018			Kemaskini Prosedur	18/8/2018
8/10/2019	-	Muka hadapan	Kemaskini Penyedia, Penyemak dan yang Meluluskan prosedur.	8/10/2019

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 3/12

KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.	Objektif	6
2.	Skop	6
3	Dokumen Rujukan	6
4	Definisi	7 - 8
5.	Singkatan	9
6.	Tanggungjawab dan Tindakan	10 -12
7.	Rekod Kualiti	12
8	Lampiran	12

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 4/12

1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan urusan penilaian projek tahun akhir di semester 05 peringkat Diploma dan semester 06 peringkat Sarjana Muda pelajar tahun akhir dan keputusan pelajar dapat dilaksanakan dengan teratur mengikut tugas yang dipertanggungjawabkan untuk memenuhi sistem kualiti Fakulti.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh Pengurusan Akademik Fakulti bagi memastikan urusan pengendalian penilaian projek pelajar tahun akhir dapat dilaksanakan dengan berkesan.

3. DOKUMEN RUJUKAN

- 3.1. MK.UiTM.FSSR.01 - Manual Kualiti
 - 3.1.1 Seksyen 4.2 - Keperluan Dokumentasi
 - 3.1.2 Seksyen 4.2.3 - Kawalan Dokumen
- 3.2. PK.(0).01-PK.(0)1-26 - Prosedur Kualiti Operasi
- 3.3 PK.UiTM.FSSR(P).11 - Prosedur Penyelenggaraan Peralatan dan Ruang
- 3.4 Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM Edisi 2 2015

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 5/12

4. DEFINISI

Senat	-	Ditubuhkan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan hal urusan akademik.
Koordinator Program	-	Kakitangan akademik (Pensyarah) yang dilantik oleh Dekan Fakulti bagi mengetuai program.
Koordinator Kursus	-	Kakitangan akademik yang dilantik oleh Dekan / Rektor Kampus / Pengarah Pusat Pengajian untuk menyelaraskan sesuatu kursus
Penilaian	-	Pengukuran terhadap pencapaian pelajar yang dinilai secara berterusan meliputi kerja-kerja makmal, bengkel, studio, lapangan, teknikal, klinikal, projek, latihan ilmiah, ujian bertulis dan peperiksaan.
Penilai	-	Seorang kakitangan akademik yang dilantik bagi menjalankan sebahagian atau semua tugas penilaian dan pemeriksaan bagi sesuatu tempoh.
Penilaian Projek Diploma dan Sarjana Muda Pelajar Tahun Akhir	-	Penilaian Projek Diploma dan Sarjana Muda Pelajar Tahun Akhir adalah merupakan salah satu syarat atau keperluan program yang diikuti oleh pelajar sepanjang tempoh pengajian.

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 6/12

Penilai Luar	-	Penilai Luar adalah merupakan seorang profesional ataupun ahli akademik yang dilantik oleh Senat Universiti untuk menilai projek/hasil karya yang dijalankan oleh pelajar-pelajar sarjana muda.
Penilai Dalaman	-	Pensyarah yang dilantik untuk membuat penilaian projek Diploma dan Sarjana Muda tahun akhir yang diluluskan di peringkat jabatan dan fakulti.
Kursus	-	Mata pelajaran atau latihan yang sediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu semester, yang ditawarkan dalam sesuatu program pengajian.
Semester	-	Sesi pengajian yang ditetapkan oleh Universiti seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
Pelajar	-	Seseorang yang berdaftar dan yang mengikuti pelajaran program pengajian di Universiti sebagaimana yang ditakrif dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 7/12

5. SINGKATAN

5.1	UiTM	-	Universiti Teknologi MARA
5.2	FSSR	-	Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
5.3	D	-	Dekan
5.4	TD(A)	-	Timbalan Dekan (Akademik)
5.5	KP	-	Koordinator Program
5.6	Koor	-	Koordinator Kursus
5.7	PS	-	Pensyarah
5.8	TP	-	Timbalan Pendaftar
5.9	PPA	-	Penolong Pendaftar Akademik
6.0	PE(A)	-	Pegawai Eksekutif (Akademik)
6.1	PeL	-	Penilai Luar
6.2	PD	-	Penilai Dalaman
6.3	JAF	-	Jawatankuasa Akademik Fakulti
6.4	JKKF	-	Jawatankuasa Kecil Fakulti
6.5	JKRF	-	Jawatankuasa Ruang dan Fasiliti
6.6	RES	-	<i>Result Entry System</i>
6.7	SS	-	Staf Sokongan

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 8/12

7. TANGGUNG JAWAB DAN TINDAKAN

7.1 Prosedur Penilaian Projek Tahun Akhir

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
TDA/PPA	1. Tarikh untuk penilaian projek akhir ditentukan dalam Mesyuarat JKKEF. Lokasi dan ruang penilaian projek Diploma dan Sarjana Muda ditentukan sebulan sebelum tarikh penilaian.
PP(A)	2. Sediakan surat jemputan kepada PeL yang telah dilantik sebulan sebelum penilaian. 3. Sediakan fail laporan penilaian untuk diedarkan kepada PeL dan PD satu minggu sebelum penilaian.
KP/PS	4. Maklumkan kepada Pensyarah dan staf sokongan mengenai persediaan penilaian yang akan dijalankan pada tarikh yang telah ditetapkan mengikut JKKEF.
JKRF/SS	Sebelum Penilaian 5. Penyediaan tempat penilaian dan peralatan.

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 9/12

KP/PeL/PD/PS	Semasa penilaian. 6. Mesyuarat Pembukaan dan Taklimat Ringkas tugas kepada pemeriksa luar sebelum penilaian dijalankan. 7. Penyerahan Fail Penilaian kepada pemeriksa luar dan Dalam semasa taklimat diadakan.
KP/PeL/PD/PS	Selepas Penilaian 8. Penyerahan markah penilaian kepada Koordinator Program. 9. Mesyuarat Penutup Penilaian Projek Tahun Akhir.
KP/PeL	10. Perjumpaan Penilai Luar Penilaian Projek Tahun Akhir bersama Dekan dan Timbalan Dekan (Akademik) pada hari terakhir penilaian.
KP/PeL	11. Penyediaan laporan penilaian yang telah dijalankan. 12. Serahkan laporan penilaian kepada Koordinator Program 2 hari selepas penilaian.
SS/PL	13. Kemaskini dan susunatur semula ruang yang telah digunakan.
Koor/PS	14. Jumlahkan markah penilaian akhir dengan markah penilaian projek Diploma dan Sarjana Muda pelajar tahun akhir. 15. Muatnaik markah akhir ke dalam Sistem RES.
KP/PS	16. Semak senarai validasi dan sahkan jika telah dikemaskini. 17. Pembentangan markah akhir dalam mesyuarat jabatan.

	PROSEDUR KUALITI OPERASI	No. Rujukan : PK.UiTM.FSSR.(O).16
		No. Keluaran : 02
	PROSEDUR PENGENDALIAN PENILAIAN PROJEK TAHUN AKHIR (SEMESTER 05/DIPLOMA) (SEMESTER 06/SARJANA MUDA)	No. Pindaan : 03
		Tarikh Kuatkuasa : 8/10/2019
		Muka Surat : 10/12

KP/JAF	18. Pembentangan keputusan markah di dalam Pra JAF. 19. Pembentangan laporan Penilai Luar dan kelulusan keputusan markah akhir di dalam JAF.
--------	---

8. REKOD KUALITI

Bil.	Jenis/Rekod	Rujukan	Lokasi	Tempoh Simpanan
1.	Fail Keputusan Markah	Sistem RES	HEA FSSR	3-5 tahun
2.	Senarai Validasi Kemasukan Markah	Sistem RES	HEA FSSR	3-5 tahun
3.	Fail Laporan Penilaian Penilai Luar/Penilai Dalaman	500-FSSR (HEA 23/4/2)	HEA FSSR	3-5 tahun











9. LAMPIRAN


9.1 Carta Alir

9.2 Borang Penilaian Projek Akhir Pemeriksa Luar

9.3 Borang Penilaian Projek Akhir Pemeriksa Dalam

9.1 CARTA ALIR PENILAIAN PROJEK AKHIR

TANGGUNG JAWAB	CARTA ALIR	PROSES KERJA	REKOD
			
TDA/PP(A)		Tetapkan tarikh penilaian dalam mesyuarat JKKF	Berpandukan kalendar aktiviti akademik
TDA/PP(A)		Lantik PeL & PD Keluarkan surat jemputan	HEA
KP/SS		Sediakan ruang, kemudahan dan peralatan	KP dan JKRF
PeL dan PD		Nilai hasil kerja pelajar	KP dan PS
Dekan/ Timbalan Dekan (Akademik)/ PeL		Lapor <u>Sesi perbincangan</u> hasil kerja pelajar dalam perjumpaan dengan Dekan.	PP(A)
PPro/PS		Selaraskan <u>Penjumlahan markah mengikut ketetapan peratusan agihan penilaian %</u> markah yang diberikan oleh : a. Penyelia Projek b. Pensyarah jabatan c. Pemeriksa Luar	KP/PPro dan PS
PPro/PS		Masukkan <u>Memasukan</u> markah final <u>akhir</u> ke dalam borang sistem kemasukan markah online UiTM (RES)	PPro/PS
PS		Keluarkan senarai <u>validasi markah dari sistem kemasukan markah online UiTM (RES)</u> kemasukan markah.	PS
KP/PS		Semak senarai validasi	KP/PS
KP		Lapor dan bentang dalam mesyuarat (Keputusan Peperiksaan) /Pra-JAF & JAF	KP/PE(A)
KP		Rekod dan fail	KP/PE(A)


		Tamat	
--	---	-------	--

POLISI PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM

Edisi 2 2015



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Editor Penasihat

Azni Zain Ahmed

Ketua Editor

Roziah Mohd Janor

Editor

Ahmad Mazli Muhammad

Rozzana Mohd Said

Sharipah Ruzaina Syed Aris

Rekabentuk & Fotografi

Mohd Jamil Mat Isa

National Design Center (NDC), FSSR

Percetakan

Unit Percetakan

Universiti Teknologi MARA

Diterbitkan oleh

Unit Hal Ehwal Kurikulum

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Aras 20 Menara 2

Kompleks Kejuruteraan

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam Selangor

Telefon: +603 55211645/55443487

Faksimili: +603 55442820

Kandungan

Kandungan
Senarai Singkatan
Senarai Istilah

1.0	PENGENALAN	»8
1.1	Tujuan Polisi	»8
1.2	Skop Polisi	»8
1.3	Prinsip Asas Penilaian	»9
2.0	PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR	»9
2.1	Tujuan Penilaian	»9
2.2	Kaedah Penilaian	»9
2.3	Keperluan Pembangunan Penilaian	»10
2.4	Semakan Berkala Penilaian Pelajar	»11
2.5	Polisi Hakcipta hasil kerja / penilaian pelajar	»11
3.0	PEMBANGUNAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU) / JADUAL SPESIFIKASI UJIAN AKHIR (JSUP) / JADUAL SPESIFIKASI UJIAN BERTERUSAN (JSUB) / JADUAL SPESIFIKASI PROJEK (JSP), PEMBINAAN ITEM UJIAN / PEPERIKSAAN DAN PELAKSANAAN PENILAIAN BERTERUSAN / PEPERIKSAAN AKHIR	»11
3.1	Pembangunan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) / Jadual Spesifikasi Ujian Akhir (JSUP) / Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan (JSUB) / Jadual Spesifikasi Projek / Produk (JSP)	»11
3.2	Pembinaan Item dan Set Soalan	»12
3.3	Pelaksanaan Penilaian Berterusan / Peperiksaan Akhir	»12
3.4	Pelaksanaan Penilaian Akhir	»13
4.0	PEMARKAHAN, PENGREDAN, KEMASUKAN MARKAH & GRED, VALIDASI DAN PEMAKLUMAN & PENYELARASAN	»14
4.1	Pemarkahan	»14
4.2	Pengredan	»15

4.3	Kemasukan Markah dan Validasi	»15
4.4	Pemakluman dan Penyelarasan	»16
5.0	KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR	»16
6.0	KETIDAKPATUHAN POLISI PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM	» 17
	Bahan Rujukan	»18
	Sekalung Budi dan Penghargaan	»20

Senarai Singkatan

PTJ	Pusat Tanggungjawab
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
JSUB	Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan
JSUP	Jadual Spesifikasi Ujian Akhir
JSP	Jadual Spesifikasi Projek / Produk
JAF	Jawatankuasa Akademik Fakulti
MPU	Majlis Peperiksaan Universiti
MPS	Majlis Pengajian Siswazah
MKU	Majlis Kurikulum Universiti
UiTM	Universiti Teknologi MARA
ACIS	Academy of Contemporary Islamic Studies yang dahulunya dikenali sebagai CITU (Centre of Islamic Thought and Understanding)

Senarai Istilah

Closed-ended item

Item penilaian yang memerlukan pelajar untuk memilih jawapan betul atau menulis jawapan pendek yang betul.

Competency-based

Penilaian berlandaskan kemahiran yang diperlukan dalam bidang tertentu seperti pergigian. Ia memenuhi kehendak hasil pembelajaran sesuatu kursus atau program.

Criterion-based

Penilaian yang berlandaskan kriteria yang telah dikenal pasti dan sejajar dengan hasil pembelajaran kursus.

Domain Afektif

Tahap Taksonomi Afektif merangkumi 5 aras: menerima, memberi maklum balas, menilai, menyusun dan menghayati.

Domain Kognitif

Tahap Taksonomi Kognitif merangkumi 6 aras: pengetahuan, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

Domain Psikomotor

Tahap Taksonomi Psikomotor merangkumi 7 aras: persepsi, set, respons terpinpin, mekanisme, respons ketara kompleks, adaptasi, dan rekacipta / lakukan tulen.

Learning feedback

Maklumbalas pembelajaran semasa penilaian formatif atau sumatif. Ia bertujuan untuk penambahbaikan pembelajaran.

Master copy

Salinan pertama kertas soalan peperiksaan akhir yang dicetak dari kertas soalan asal bagi tujuan percetakan berskala besar.

Moderasi

Aktiviti semakan penilaian akademik pelajar untuk memastikan bahawa penilaian telah dibuat mengikut prinsip asas penilaian.

Open-ended item

Item penilaian yang memerlukan pelajar untuk memberi jawapan bertulis dalam bentuk esei pendek atau panjang.

Standard program

Dokumen rujukan mengikut bidang yang dikeluarkan oleh MQA bagi tujuan membangun dan menyemak sesuatu kurikulum.

Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM

1.0 PENGENALAN

Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM ialah dokumen yang menjadi asas dalam mengurus, mentadbir dan melaksana hal ehwal penilaian akademik pelajar UiTM yang mengikuti program UiTM (termasuk pelajar Kolej Bersekutu).

Program yang tertakluk kepada standard program MQA dan badan profesional hendaklah mengikuti prinsip, objektif dan kriteria penilaian dalam perkara penilaian pelajar standard program.

1.1 Tujuan Polisi

Polisi ini bertujuan untuk memastikan keutuhan dalam hal pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan penilaian akademik pelajar yang merangkumi:

- 1.1.1 perancangan pembangunan JSU / JSUP / JSUB / JSP
- 1.1.2 pembinaan item penilaian
- 1.1.3 pentadbiran aktiviti penilaian
- 1.1.4 pengurusan pemarkahan dan pengredan
- 1.1.5 penyelarasan keputusan penilaian, serta
- 1.1.6 keselamatan dan kerahsiaan.

1.2 Skop Polisi

Polisi ini diguna pakai untuk mengurus, mentadbir dan melaksana hal ehwal penilaian akademik pelajar UiTM di peringkat Pra-Diploma, Asasi, Diploma, Sarjana Muda dan Pascasiswazah, mengikut bidang pengajian dalam kedua-dua penilaian berterusan dan peperiksaan akhir masing-masing.

1.3 Prinsip Asas Penilaian

Pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan penilaian akademik pembangunan pelajar adalah berteraskan kepada empat (4) prinsip iaitu kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*), kesaksamaan (*fairness*) dan ketekalan (*consistency*) menerusi mekanisme amalan terbaik.

2.0 PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR

Penilaian ialah ukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, medan, projek, latihan ilmiah, latihan amali, latihan industri, praktikum, klinikal dan sebagainya (Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar UiTM, 2013).

2.1 Tujuan Penilaian

Tujuan penilaian akademik pelajar ialah:

- 2.1.1 memberi ruang kepada pelajar menerima maklumbalas pembelajaran (*learning feedback*).
- 2.1.2 menentukan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran pelajar menggunakan *criterion-referenced* atau *competency-based*.
- 2.1.3 menentukan tahap pencapaian individu pelajar berbanding dengan hasil pembelajaran.
- 2.1.4 menentukan kebolehan seseorang pelajar berdasarkan kemahiran domain kognitif / afektif / psikomotor yang dinilai atau mana-mana taksonomi yang diguna pakai.
- 2.1.5 mengenalpasti tahap kesukaran item-item sesuatu penilaian.

2.2 Kaedah Penilaian

Kaedah penilaian akademik pelajar UiTM merangkumi:

- 2.2.1 Penilaian Formatif (*Assessment for Learning*)
Penilaian formatif dijalankan secara formal

atau tidak formal bagi mengukur kemajuan atau penguasaan pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Markah penilaian formatif tidak menyumbang kepada gred akhir pelajar tetapi berfungsi sebagai maklumbalas penambahbaikan pembelajaran pelajar.

2.2.2 Penilaian Sumatif (*Assessment of Learning*)

Penilaian sumatif dijalankan pada akhir sesuatu tempoh pengajaran (topik / unit / mingguan / bulanan / semester / bahagian / *clinical posting*). Penilaian berterusan dan peperiksaan akhir adalah penilaian sumatif. Markahnya menyumbang kepada gred akhir pelajar. Penilaian sumatif juga merangkumi projek akhir / disertasi / tesis.

Peratusan pemberat bagi semua penilaian sumatif mesti dijelaskan dengan terperinci di dalam dokumen maklumat kursus.

Jika sesuatu kursus mempunyai komponen Peperiksaan Akhir, peratusan peperiksaan akhir itu tidak boleh melebihi 70% daripada jumlah peratusan keseluruhan penilaian.

2.3 Keperluan Pembangunan Penilaian

Penilaian akademik pelajar mestilah:

- 2.3.1 dibangun sesuai dengan kurikulum dan sejajar dengan hasil pembelajaran serta standard program.
- 2.3.2 dibangun menggunakan Bahasa Inggeris kecuali kursus yang telah diluluskan oleh Senat.
- 2.3.3 mengambilkira sensitiviti agama, budaya, kefahaman politik, kaum, gender, status sosio-ekonomi dan kekinian maklumat.

2.3.4 mengambil kira keperluan pelajar kelainan upaya.

2.4 Semakan berkala penilaian pelajar

2.4.1 Semakan penilaian pelajar mesti dijalankan secara berkala berdasarkan kepada standard yang ditetapkan dalam garis panduan COPPA/COPPIA.

2.5 Polisi hakcipta hasil kerja / penilaian pelajar

2.5.1 Hasil penilaian pelajar menjadi hakmilik universiti tetapi hakcipta adalah kekal menjadi milik pelajar / graduan. Setiap rujukan kepada hasil hakcipta mesti diikuti dengan penghargaan kepada UiTM.

2.5.2 Kerjasama akademik yang melibatkan penilaian pelajar adalah digalakkan. Walau bagaimanapun ia hendaklah berlandaskan kepada arahan / garis panduan / pekeliling / peraturan universiti.

3.0 PEMBANGUNAN JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)/ JADUAL SPESIFIKASI UJIAN AKHIR (JSUP) / JADUAL SPESIFIKASI UJIAN BERTERUSAN (JSUB) / JADUAL SPESIFIKASI PROJEK (JSP), PEMBINAAN ITEM UJIAN / PEPERIKSAAN AKHIR DAN PELAKSANAAN PENILAIAN BERTERUSAN / PEPERIKSAAN AKHIR

3.1 Pembangunan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) / Jadual Spesifikasi Ujian Akhir (JSUP) / Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan (JSUB) / Jadual Spesifikasi Projek / Produk (JSP)

3.1.1 PTJ fakulti / kampus mesti merancang dan membangun JSU/JSUP/JSUB/JSP bagi memastikan kualiti penilaian pembelajaran pelajar.

3.1.2 PTJ fakulti / kampus mesti mematuhi JSU/JSUP/JSUB/ JSP untuk memastikan kesetaraan dan kualiti item penilaian akademik pelajar.

- 3.1.3 PTJ fakulti / kampus mesti mengambilkira keperluan standard program mengenai penilaian akademik pelajar yang berkaitan dengan hasil pembelajaran kursus.

3.2 Pembinaan Item dan Set Soalan

- 3.2.1 Item / set soalan peperiksaan akhir sesuatu kursus mesti dibina berdasarkan aras kemahiran domain kognitif dan aras kesukaran berpandukan JSU yang **telah diluluskan**.
- 3.2.2 Item / soalan penilaian pelajar bagi kursus yang mempunyai penilaian berterusan atau tiada peperiksaan akhir mesti dibina berdasarkan aras kemahiran domain kognitif, psikomotor dan afektif serta aras kesukaran berpandukan JSUB, JSUP, JSUB atau JSP yang telah diluluskan.
- 3.2.3 Kualiti item / set soalan peperiksaan akhir sesuatu kursus mesti disemak oleh jawatankuasa semakan (*vetting committee*) yang dilantik.
- 3.2.4 **Kualiti item / set soalan penilaian berterusan sesuatu kursus mesti disemak oleh jawatankuasa semakan (*vetting committee*) yang dilantik.**

3.3 Pelaksanaan Penilaian Berterusan / Peperiksaan Akhir

Pelaksanaan Penilaian merangkumi penilaian berterusan dan peperiksaan akhir:

- 3.3.1 Pelaksanaan penilaian berterusan
 - 3.3.1.1 Semua aktiviti penilaian berterusan mesti dilaksanakan dan berakhir sebelum minggu ulangkaji.
 - 3.3.1.2 Item / **soalan** penilaian berterusan mesti dijawab menggunakan Bahasa Inggeris kecuali kursus **yang telah diluluskan oleh Senat**.

- 3.3.1.3 Disertasi / tesis di peringkat pasca siswazah mesti ditulis di dalam Bahasa Inggeris kecuali dengan **kelulusan** Senat.
- 3.3.1.4 PTJ fakulti / kampus mesti memastikan mekanisme verifikasi penerimaan tugas penilaian berterusan pelajar diadakan.
- 3.3.1.5 Semua item / **soalan** penilaian berterusan **mesti** disemak dan diberi markah.
- 3.3.1.6 Tindakan tatatertib **akan** diambil ke atas pelajar yang didapati melakukan ketidakjujuran akademik dalam tugas yang diserahkan bagi tujuan pemarkahan dan penggredan penilaian berterusan / projek / disertasi / tesis.

3.4 Pelaksanaan peperiksaan akhir

Pelaksanaan peperiksaan akhir mestilah mengikut Peraturan Akademik dan Manual Pengurusan Peperiksaan UiTM.

- 3.4.1 Bagi kursus yang ditawarkan di pelbagai pusat peperiksaan di mana ia dijadualkan pada waktu yang berlainan, set-set soalan peperiksaan akhir mestilah:
 - 3.4.1.1 disediakan mengikut bilangan lokasi/ zon.
 - 3.4.1.2 dijamin kesetaraan aras kemahiran domain kognitif dan aras kesukaran / kompleksitinya sama walaupun item-itemnya berbeza.
- 3.4.2 Semua pelajar diwajibkan menduduki peperiksaan akhir bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.
- 3.4.3 Item / soalan penilaian peperiksaan akhir mesti dijawab menggunakan Bahasa Inggeris kecuali dengan kelulusan Senat.

- 3.4.4 Ketua pengawas peperiksaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya jika pelajar didapati melanggar mana-mana peraturan peperiksaan akhir.

4.0 PEMARKAHAN, PENGREDAN, KEMASUKAN MARKAH DAN GRED, VALIDASI DAN PENYELARASAN

4.1 Pemarkahan

Semua penilaian akademik pelajar mesti diberi markah mengikut kaedah penilaian yang ditetapkan.

4.1.1 Pencapaian penilaian berterusan *mesti* dimaklumkan kepada pelajar untuk tujuan penambahbaikan prestasi.

4.1.1.1 Markah penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar kecuali

4.1.1.1.1 kursus yang bergred lulus / gagal.

4.1.1.1.2 bahagian akhir penilaian bagi kursus yang mempunyai 100% penilaian berterusan.

4.1.1.1.3 kursus yang mempunyai hanya satu (1) penilaian akhir.

4.1.1.2 Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, semua pemarkahan penilaian berterusan dimaklumkan kepada pelajar selewat-lewatnya seminggu sebelum tarikh peperiksaan akhir kursus berkenaan kecuali kursus yang melibatkan projek akhir / disertasi / tesis.

4.1.2 Pemarkahan untuk peperiksaan akhir

4.1.2.1 Penilaian peperiksaan akhir / profesional bertulis mesti mematuhi perkara berikut:

4.1.2.1.1 Bagi penilaian peperiksaan yang berbentuk khusus (***closed-ended items***), skema jawapan dan markah perlu disediakan.

4.1.2.1.2 Bagi penilaian peperiksaan yang berbentuk terbuka (***open-ended items***), cadangan jawapan dan rubriks perlu disediakan.

4.1.2.2 Bagi penilaian yang melibatkan pemerhatian, rubrik pemarkahan mesti disediakan.

4.1.2.3 PTJ fakulti / kampus mesti menentukan mekanisme bersesuaian bagi moderasi pemarkahan skrip jawapan peperiksaan akhir / profesional.

4.1.2.4 Sekiranya terdapat perbezaan markah yang ketara di antara penilai semasa proses moderasi, tindakan penyelarasan dan pembetulan mesti dilaksanakan segera.

4.2 Pengredan

4.2.1 Item yang disemak perlu dijumlahkan mengikut ketetapan peratus agihan penilaian akademik pelajar seperti tersebut dalam maklumat kursus serta diberi gred berdasarkan sistem piawaian skala gred yang terdapat dalam buku peraturan akademik UiTM dan garis panduan penilaian akademik pelajar.

4.2.2 PTJ fakulti / kampus mesti memastikan pembetulan projek / disertasi / tesis diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk tujuan pengredan.

4.3 Kemasukan Markah dan Validasi

Kemasukan markah dan validasi markah penilaian berterusan / peperiksaan akhir dan gred mesti dibuat mengikut prosedur yang sedia ada iaitu sama ada secara manual atau berbantuan sistem komputer.

4.4 Pemakluman dan Penyelarasan

- 4.4.1 Keputusan pencapaian penilaian pelajar **mestilah** dimaklumkan kepada pelajar selepas keputusan dibentang dan diperakukan oleh Majlis Peperiksaan Universiti (MPU) atau apa-apa nama yang akan digunakan untuk jawatankuasa berkenaan.
Keputusan peperiksaan profesional di Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian dimaklumkan selepas JAF.
- 4.4.2 Pelajar boleh membuat rayuan penyemakan semula bagi peperiksaan akhir / profesional (program perubatan dan pergigian sahaja) / penilaian akhir (program pascasiswazah) **bertulis** mengikut prosedur sedia ada.
- 4.4.3 Semua keputusan semak semula, pembedaan atau pengemaskinian mesti disahkan dalam mesyuarat rayuan semak semula di MPU.

5.0 KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR

- 5.1 Semua urusan merancang, membangun, mentadbir, mengurus dan menyelaras penilaian akademik pelajar yang merangkumi
 - 5.1.1 *Item / soalan penilaian*
 - 5.1.2 *Set soalan*
 - 5.1.3 *Salinan utama set soalan (Master Copy)*
 - 5.1.4 *Sistem bank item*
 - 5.1.5 *Skrip jawapan*
 - 5.1.6 *Skema dan model jawapan, dan*
 - 5.1.7 *Sistem pemarkahan*hendaklah sentiasa dijamin keselamatan dan kerahsiaannya oleh PTJ yang dipertanggungjawabkan.
- 5.2 PTJ mestilah menjamin keselamatan pelajar semasa menjalankan aktiviti penilaian akademik

- yang melibatkan risiko tinggi.
- 5.3 Set soalan yang telah dihasilkan / dijana mestilah dijamin keselamatan dan kerahsiaannya.
- 5.4 Staf UiTM yang terlibat dalam pengurusan, pembangunan, pentadbiran dan pelaksanaan peperiksaan akhir serta mempunyai pertalian persaudaraan dengan mana-mana pelajar mestilah membuat pengisytiharan pada setiap awal semester.

6.0 KETIDAKPATUHAN POLISI PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM

Senat, melalui MPU atau MPS serta melalui saluran Jawatankuasa Audit Kualiti UiTM boleh membuat teguran ke atas PTJ yang tidak mematuhi polisi penilaian akademik pelajar UiTM dalam proses audit kualiti berkaitan penilaian pelajar untuk tujuan penambahbaikan. PTJ berkenaan perlu membuat laporan dan cadangan tindakan segera berkaitan ketidakpatuhan tersebut melalui mana-mana mesyuarat MPU/MPS.

Bahan Rujukan

- Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA). (2008). Malaysian Qualifications Agency (MQA).
- Garis Panduan Kesetaraan Kualiti Penilaian Pelajar UiTM Edisi 2. (2012). Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) BHEA. Shah Alam: Unit Percetakan UiTM.
- Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar UiTM. (2013). Bahagian Peperiksaan. Shah Alam: BHEA.
- Guidelines To Good Practices: Assessment Of Students. (2012). MQA.
- Kurikulum Akademik UiTM. (2013). UHEK, BHEA.
- Pekeliling-pekelling Akademik UiTM.
- Peraturan Akademik Pascasiswazah UiTM. (2012). Shah Alam: BHEA.
- Peraturan Akademik UiTM. (2013). Shah Alam: BHEA.
- Peraturan Peperiksaan Akhir. (2012). Bahagian Peperiksaan UiTM, BHEA.
- Understanding Plagiarism: A Guidebook for Lecturers. (2012). inQKA, BHEA. Shah Alam: Unit Percetakan UiTM.
- Avoiding Plagiarism: A Guidbook for Students. (2012). inQKA, BHEA. Shah Alam: Unit Percetakan UiTM.

Sekalung Budi Serta Penghargaan

Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) ingin merakamkan sekalung budi serta penghargaan kepada pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam pencetusan ide, penyediaan serta penerbitan dokumen Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM Edisi Pertama 2014.

Keikhlasan dan kemurnian hati tuan/puan dalam merealisasikan polisi ini amat dihargai. Semoga inisiatif ini dapat memantapkan penilaian akademik pelajar di UiTM.

Pemilik Polisi

Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK),
Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Pelaksanaan Polisi

Januari 2015

Semakan Polisi

Januari 2017

Kelulusan Polisi

Senat, Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

Dokumen yang diguna pakai bersama polisi
Dokumen Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),
Perintah Am, Kurikulum Akademik UiTM,
Standard Program, Peraturan, Pekeliling
dan Garispanduan yang berkaitan dengan
penilaian akademik pelajar UiTM.